

Majlis Perasmian Karnival Stem@UiTM 2018



Pada 28 Ogos 2018 telah berlangsung Majlis Perasmian Karnival STEM (Science, Technology, Engineering, Mathematics) 2018 di Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, UiTM Shah Alam. YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, telah hadir dan merasmikan karnival tersebut.

Karnival ini merupakan karnival pertama diadakan dengan himpunan barisan ilmuwan UiTM dari pelbagai bidang melalui kaedah interaktif tersendiri bagi meningkatkan keseronokan pembelajaran dalam mata pelajaran STEM.

Karnival ini adalah anjuran Pusat Perancangan dan Maklumat Strategik dengan kerjasama Penyelaras STEM UiTM daripada seluruh fakulti di UiTM serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan semua pihak yang terlibat menjayakannya Karnival STEM@UiTM ini bukan sahaja berjaya menganjurkan

Karnival STEM UiTM Peringkat Negeri Selangor, bahkan turut melibatkan sekolah-sekolah angkat di bawah aktiviti STEM@UiTM dalam menyempurnakan aspirasi kementerian.

UiTM sangat komited dalam menyokong agenda STEM di negara ini. Sebagai sebuah universiti yang menitikberatkan agenda penyelidikan, UiTM sentiasa berusaha memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan serta kemudahan prasarana yang disediakan menepati dan mencapai standard yang ditetapkan.

Penganjuran Karnival STEM ini dilihat akan menjadi platform terbaik dalam memberi dan menyebarkan maklumat yang tepat serta terkini kepada pelajar sekolah dan calon mahasiswa peringkat pengajian tinggi.





Konferensi Antarabangsa Pentadbir Universiti ke-19, ICUA19

Warga Pentadbir perlu mempunyai minda yang terbuka, kreatif dan inovatif dalam menangani perubahan bagi membantu pengurusan universiti dalam melaksanakan penambahbaikan berterusan agenda transformasi universiti. Lantaran itu, Konferensi Antarabangsa Pentadbir Universiti sekali lagi dianjurkan pada tahun ini dengan mengangkat tema *Talent Management: Strengthening Future Leaders*. Konferensi kali ini diadakan pada 14 hingga 15 Ogos 2018 dan julung kali diadakan di Dewan Agung Tuanku Canselor, UTM Shah Alam.

Bersesuaian dengan kehendak dan aspirasi negara, objektif utama konferensi ini adalah untuk memberi pemantapan kepada pentadbir serta melihat dan menyemak semula kepimpinan institusi pendidikan tinggi dan seterusnya memberi nafas baru mengenai gaya kepimpinan yang terbaik dalam menghadapi cabaran semasa di peringkat global.

Konferensi ini bertujuan untuk mencapai pelbagai objektif utama antaranya melahirkan pentadbir yang *versatile* dan boleh bersaing di peringkat global serta menjana idea dan pendekatan terbaik dalam memperkasakan kepemimpinan dan

urus tadbir universiti yang lebih mantap dan dinamik. YBhg. Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah hadir bagi menyampaikan ucapan terna dan seterusnya merasmikan ICUA19 ini.

Antara barisan panel yang hebat berkongsi idea di pentas ICUA ini ialah YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said, Naib Canselor, YBhg. Dato' Seri Syed Zainal Abidin, Pengerusi Lembaga Pengarah, YBhg. Tan Sri Zarinah Anwar, Pro Canselor, Mr. Sam Haggag, Pengarah MSP & Sales Asia Pac & Middle East Country Manager Manpower Malaysia dan YBhg. Datuk Dr. Aminar Rashid Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Perodua.



SIDANG REDAKSI

Penaung
Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

Penasihat
Alfina Bakar

Ketua Editor
Mohammad Syazwan Mohd

Editor
Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

Penulis Berita
Hanisah Yacob
Umi Kazura Zakaria
Nur Idune Hayana Che Mohd
Nor Azlina Nordin
Noor Suhada Sapri (Pelatih Industri)
Nurain Anafrah AbdulSattar (Pelatih Industri)

Jurufoto
Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran
Asura Rahman



@VCUITM



UTM di fikiran



www.utm.edu.my



UTM Rasmi: www.facebook.com/utmrasm1
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensa korporat



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri TuanKu Syed Shajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

